



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 MAC 2019 (RABU)

AKHBAR	MUKA SURAT
The Star	
- Seeking private bus operator's input	05
Utusan Malaysia	
- Bagai tiada kesudahan	46-47
Sinar Harian	
- KRT mahu kembali aktif	34
- Sungai Ampang keruh, tercemar?	34
Berita Harian	
- Tapak Highland Towers bakal dibina bangle, taman rekreasi	12



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 MAC 2019 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Seeking private bus operator's input
Muka Surat	05

STARMETRO, WEDNESDAY 20 MARCH 2019

OH ING YEEN at the Selangor State Assembly

PRIVATE bus operators are welcome to propose bus routes to complement the public transportation system in Selangor.

State Local Government, Public Transportation and New Village Development state executive councillor Ng Sze Han said the state was hoping for the input to complement transportation options in the Selangor Public Transport Masterplan (SPTM).

"This is not only to solve the first mile/last mile issue, but also provide bus services to under-serviced areas.

Ng said Petaling Jaya (MBPJ) and Shah Alam City Councils (MBSA) had each spent about RM1mil for community bus services in both cities.

He said this in relation to Jamaliah Jamaluddin's (PH-Bandar Utama) question about the state government's latest plan to improve traffic system and public transportation in the state.

Ng also answered Michelle Ng's (PH-Subang Jaya) question on grease traps.

"As stated in the Food Establishment Licensing By-law, it is mandatory for restaurants to instal grease traps.

"The state government and local councils such as MBPJ, MBSA, Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) and Klang Municipal Council are taking stern action against food outlet operators who fail to comply with hygiene guidelines.


"The councils conduct regular and scheduled enforcement activities."

"Those who flout the guidelines were issued compounds under Section 47 of the Street, Drainage and Building Act 1974 (Act 133),

Seeking private bus operators' input

TS 20/3/19
M/S 05

State wants new routes to reach under-serviced areas



Selangor Development Corporation Board (PKNs) offers a free bus service within Shah Alam city centre.

while some were even ordered to close," he said.

On a separate matter, Lee Kee Hiong (PH-Kuala Kubu Baru) asked about car-free day programmes organised by local councils.

The eight councils that organ-

ised such events last year were MBSA, MBPJ, MPSJ, Ampang Jaya Municipal Council, Selangor Municipal Council, Kajang Municipal Council, Sepang Municipal Council, and Hulu Selangor District Council.



Ng says MBPJ and MBSA has each spent about RM1mil for community bus services.

The total cost spent by local councils on car-free day events were RM963,097.82.

To a question on the cost, state Environment, Green Technology and Consumer Affairs committee chairman Hee Loy Sian agreed that expenditure on this was high.

However, he clarified with the media that the car-free day events incurred such costs because it also encompassed other events such as carnivals.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 MAC 2019 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Bagai tiada kesudahan
Muka Surat	46-47

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

"Setiap kali turun ke tingkat bawah saya kerap terserempak dengan anjing yang mencari makanan berhampiran tong sampah selain haiwan itu tidur di kaki lima."

NISA ABDULLAH

Oleh AIDA FAIZLEN IBRAHIM
utusanikota@gmail.com.my

■ SEREMBAN 19 MAC

WALAU PUN pelbagai aduan telah dibuat penduduk sebelum ini, masalah anjing liar di bandar ini masih belum nampak kesudahannya.

Tinjauan wartawan dan jurugambar di beberapa lokasi di pusat bandar Seremban mendapati jumlah haiwan itu yang berkeliaran belum menunjukkan tanda-tanda berkurangan, walaupun pihak berkuasa tempatan (PBT) berjanji menangani isu berkenaan.

Kumpulan anjing merayau-rayau di kaki lima sudah jadi pandangan biasa, malah jumlahnya meningkat pada waktu malam.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 8,000 ekor anjing telah ditangkap dan dilupuskan oleh syarikat yang diberi tanggungjawab berkenaan oleh Majlis Perbandaran Seremban.

Ia menggambarkan betapa banyaknya jumlah anjing liar di sekitar daerah ini.

Situasi itu mengundang rasa tidak selesa dalam kalangan orang ramai yang meminta PBT berkenaan bertindak lebih cekap dan berkesan dalam menangani masalah berkenaan.

Seorang peniaga makanan, Zaitun Ahmad Jali, 42, berkata, dia bimbang sekiranya tidak dikawal, kehadiran anjing liar akan semakin bertambah dalam



Masalah anjing liar semakin serius

Bagai tiada kesudahan



KEHADIRAN anjing liar yang berkeliaran di sekitar Seremban terus menimbulkan kebimbangan orang ramai.

beberapa tahun akan datang.

Katanya, beberapa lokasi menjadi tumpuan haiwan berkenaan antaranya di Pasar Besar Seremban, Terminal One dan juga di lorong-lorong di sekitar bandar ini.

"Anjing liar ini tiba-tiba saja mengejar pejalan kaki, walaupun haiwan itu tidak terancam."

"Perkara seperti itu merisau-

kan terutama dalam kalangan wanita dan juga kanak-kanak. Seorang kawan saya yang mendukung bayinya pernah berdepan situasi cemas itu, mujurlah dia sempat lari," katanya di sini baru-baru ini.

Seorang suri rumah, Nisa Abdullah, 29, berkata, ekoran tiada kawalan, banyak anjing liar turut berkeliaran di flat yang



OPERASI menangkap anjing liar perlu dibuat pihak berkuasa tempatan secara berterusan.

dihuninya di Lobak di sini.

Katanya, setiap kali turun ke tingkat bawah perumahannya, dia kerap terserempak dengan anjing yang mencari makanan berhampiran tong sampah selain haiwan itu tidur di kaki lima.

"Apabila ada aduan dan MPS datang tangkap, kehadiran anjing berkurangan seketika. Tapi tak lama kemudian jumlahnya meningkat semula."

"Saya minta MPS buat lebih banyak operasi menangkap anjing liar. Kadang-kadang ada pemilik yang melepaskan anjing yang sakit dan sudah tua kerana tak mahu membelanya lagi," dakwanya.

Menurutnya lagi, masalah anjing liar berkeliaran juga berlaku di kawasan perumahan lain di Seremban sehingga mengundang rasa bimbang dan tidak selesa orang ramai.

"Yang merisaukan banyak anak anjing berkeliaran, maknanya jumlah haiwan itu akan sentiasa bertambah, MPS mesti bertindak," ujarnya.



JUMLAH anjing liar semakin bertambah dan berkeliaran di pekan Sikamat. UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN



UTUSAN MALAYSIA • RABU 20 MAC 2019



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 MAC 2019 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	KRT mahu kembali aktif
Muka Surat	34

KRT mahu kembali aktif SH 20/3/19 M/S 34.

PANDAN INDAH - Selepas tujuh tahun 'menyepi', Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan kini mahu aktif semula di kawasan kediaman itu untuk kesejahteraan penduduk.

Pengerusi Permuafakatan KRT Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor berkata, pengerusi baharu akan dilantik bagi menerajui ahli melaksanakan hasrat itu.

Menurutnya, sebanyak 30 daripada 34 KRT di bawah Zon Pandan, kini aktif melaksanakan program bersama penduduk setempat.

"Saya dimaklumkan bekas Pengerusi KRT Pangsapuri Tulip sebelum ini turut memikul tugas sebagai badan pengurusan bersama (JMB) pangsapuri berkena-

an, oleh sebab itu individu berkenaan tidak dapat fokus terhadap pelaksanaan aktiviti KRT,"

"Masyarakat mahu melihat dahulu apa kerja suka rela yang boleh dilaksanakan oleh KRT, barulah mereka akan menyertai kita," katanya.

Beliau berkata, KRT akan melaksanakan kerja kemasyarakatan selain membantu menyelesaikan masalah penduduk melalui muafakat," katanya ketika sesi penerangan mengenai KRT kepada penduduk Pangsapuri Tulip.

Turut hadir Penolong Pegawai Perpaduan Daerah Hulu Langat, Ahmad Rizal Abdul Razak.

Abd Haffidz menasihat-

kan penduduk supaya mengenali jiran dan saling membantu antara satu sama lain.

Menurutnya, KRT juga menjadi platform memupuk perpaduan masyarakat, selain menitikberatkan isu keselamatan.

Beliau memberitahu, KRT juga perlu menjalin hubungan baik dengan pelbagai agensi khususnya pihak berkuasa tempatan, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia.

"Pelbagai aktiviti KRT boleh melibatkan agensi tersebut, selain mengeratkan hubungan masyarakat dengan wakil rakyat dan ahli majlis pihak berkuasa tempatan," katanya.



Haffidz (duduk, dua kiri) sedia membantu penduduk Pangsapuri Tulip yang mahu mengaktifkan semula aktiviti KRT Zon Pandan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 MAC 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Sungai Ampang keruh, tercemar?
Muka Surat	34

Sungai Ampang keruh, tercemar?

SH 20/3/19 N/S 34

**ADUN minta
MPAJ kenal pasti,
nasihat
penduduk tidak
panik**

AHMAD ISMADI ISMAIL

LEMBAH JAYA

ADUN Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha meminta Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Langat menjalankan siasatan ke atas Sungai Ampang kerana disyaki tercemar.

Haniza berkata, permintaan berkenaan ber-



Gambar tular yang menunjukkan keadaan sungai keruh.

kutan tular di media sosial gambar sungai keruh dan bertukar warna yang dikatakan sungai berkenaan.

Bagaimanapun beliau menasihati supaya penduduk tidak panik dan sen-

tiasa berhati-hati ketika melalui kawasan yang disyaki tercemar sehingga hasil siasatan diperolehi.

"Tindakan lanjut akan diambil sekiranya benar sungai tersebut didapati



Ada yang mendakwa kontraktor pembaikan di lokasi kejadian.

tercemar dengan bahan berbahaya," katanya.

Menurutnya, orang ramai juga diminta untuk tidak menyebarkan berita palsu berkenaan pencemaran sungai di Ampang

sehingga laporan siasatan dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Langat.

"Sekiranya disyaki kawasan sungai kawasan kediaman anda dicemari

info

Gambar sungai keruh tular di media sosial, JPS akan siasat

dengan bahan berbahaya, anda boleh terus menghubungi JPS di kawasan berdekatan supaya langkah berjaga-jaga boleh dilaksanakan dengan segera," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPS Selangor, Azmi Ibrahim ketika dihubungi Sinar Harian memaklumkan pihaknya sudah menerima aduan berkenaan dan sedang menyiasat punca kejadian.

"Tindakan lanjut juga akan diambil sewajarnya," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 MAC 2019 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Tapak Highland Towers bakal dibina bangle, taman rekreasi
Muka Surat	12

Tapak Highland Towers bakal dibina banglo, taman rekreasi

BH 20/3/19 m/s 12

➔ Pembangunan bermula selepas baki dua blok kondominium diroboh Jun depan

Laporan Mohd Anwar Patho Rohman, Luqman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tapak kondominium Highland Towers di Taman Hillview, Ulu Klang, yang terbiar sejak 26 tahun lalu, bakal dibangunkan dengan 50 unit banglo dan taman rekreasi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata pembangunan akan bermula selepas baki dua blok kondominium berkenaan dirobohkan, yang dijangka Jun depan.

Kekal nama Highland Towers
Katanya, nama Highland Towers akan dikekalkan kerana ia memiliki nilai sejarah tersendiri, selain bagi menarik pelancong tempatan dan asing.

"Berdasarkan perancangan jangka panjang, pemaju yang juga pemilik tanah ketika ini sudah mempunyai ilustrasi pembangunan yang mahu didirikan, iaitu taman rekreasi dan 50 banglo.

"Banglo ini boleh dibangunkan kerana ia bukan pembangunan berisiko, manakala taman itu akan memanfaatkan penduduk sekitar kawasan," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Pada Ogos tahun lalu, Highland Towers dicadang dibangunkan semula sebagai lokasi taman rekreasi, memandangkan struktur tanah di kawasan itu tidak sesuai untuk



Banglo ini boleh dibangunkan kerana ia bukan pembangunan berisiko, manakala taman itu akan memanfaatkan penduduk sekitar"

Zuraida Kamaruddin,
Menteri Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

pembinaan perumahan.

Tunggu laporan penuh Mei depan

Zuraida berkata, perobohan dua blok itu kini hanya menunggu laporan penuh Jawatankuasa Pembangunan Semula Highland Towers pada minggu pertama Mei depan.

Katanya, ia akan memuktamadkan aspek tanah dan struktur bangunan itu sebagai tidak selamat, selain memperincikan beberapa aspek perundangan.

Beliau berkata, kementerian kini menunggu pengurusan kes di mahkamah pada 4 April ini untuk membatalkan 10 pemilikan di dua lagi blok bangunan itu.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan membawa kes ini ke mahkamah, dan bertanggungjawab merobohkan baki blok bangunan itu," katanya.

Pada 11 Disember 1993, satu daripada tiga blok kondominium Highland Towers runtuh dalam tragedi yang meragut 48 nyawa.